

Penerimaan, Kesediaan Serta Amalan Penjagaan Kendiri Mahasiswa dalam Mendepani Pandemik COVID-19: Kajian kes Kolej Tun Hussein Onn, Universiti Kebangsaan Malaysia
(The Acceptance, Readiness and Practice of the Students' Self Control in Facing COVID-19: A Case Study of Tun Hussein Onn Residential College, The National University of Malaysia)

ZURINA AHMAD SAIDI, NORINSAN KAMIL OTHMAN*, AMIZAN AZIM RAMLI

ABSTRAK

Pandemik COVID-19 kini menjadi satu bentuk polemik kepada golongan mahasiswa di universiti. Pembukaan semula institut pengajian tinggi (IPT) untuk kemasukan pelajar dilaksanakan selepas kerajaan Malaysia mengumumkan peralihan fasa dan kelonggaran prosedur operasi standard (SOP). Sejurus selepas kerajaan mengumumkan kemasukan semula, pelbagai aspek dan langkah kawalan diambil untuk mengawal penularan wabak COVID-19. Kurang kesedaran dan sikap sambil lewa merupakan cabaran yang tinggi dalam memastikan pematuhan SOP oleh pelajar. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penerimaan, kesediaan dan amalan pelajar sewaktu berada di kolej kediaman terhadap langkah dan kawalan pencegahan yang dilaksanakan bagi mengawal penularan wabak COVID-19 di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kaedah kualitatif melalui pensampelan bertujuan dilaksanakan menggunakan soal selidik yang diedarkan secara dalam talian kepada pelajar di Kolej Tun Hussein Onn sewaktu fasa pertama kemasukan ke UKM. Hasil dapatan menunjukkan pelajar mempunyai tahap kefahaman dan pengetahuan yang rendah terhadap penerimaan, kesediaan dan amalan dengan nilai 1.02 hingga 1.21 terhadap pemakaian pelitup muka dan kawalan SOP. Respon mendapat 98.4% pelajar dapat beradaptasi dengan norma baharu seperti pemakaian pelitup muka. Kesimpulannya, dorongan kepada amalan dan tingkah laku positif bermula dengan asas pengetahuan tentang penularan COVID-19.

ABSTRACT

The COVID-19 pandemic has been a form of polemic among students in universities. The reopening of higher education institutions for the students' admittance after the Malaysian government has decreed the phase transition and standard operation procedure (SOP) relaxation. Immediately after the decree, multiple aspects and control measures were taken to curb the spread of the COVID-19 plague. The lack of awareness and attitude are the challenges in identifying the acceptance, readiness, and practice in ensuring the compliance of SOP by the students. Therefore, this research aimed to identify the students' level of acceptance, readiness, and practice during residential college on the control measures employed to damper the COVID-19 spreading in Universiti Kebangsaan Malaysia. A qualitative method through purposive sampling using a survey questionnaire distributed online to Kolej Tun Hussein Onn residents during the first entry phase to UKM. The results have shown that the students have a low understanding and knowledge of acceptance, readiness, and practice, with the value of 1.02 to 1.21 about wearing face masks and SOP measures. The response further indicated that 98.4% of students could adapt to the new norms, such as wearing face masks. In conclusion, encouraging practice and positive behavior begin with the knowledge of COVID-19 transmission.

PENGENALAN

Coronavirus adalah satu virus yang menyebabkan jangkitan saluran pernafasan dikenali sebagai Novel Coronavirus 2019 (COVID-19). Kes pertama dikesan di Wuhan, China pada 7 Januari 2020 seterusnya dikesan di Thailand, Amerika Syarikat, Australia, Korea Selatan, Singapura dan lain-lain negara (Kementerian Kesihatan Malaysia 2022; Gao et al. 2020;). Malaysia tidak terkecuali dari disahkan iaitu pada 25 Januari 2020 sebagai kes pertama. Menurut statistik *World Health Organization* (WHO) setakat Februari 2022, jumlah kes yang disahkan positif COVID-19 telah mencecah 435,801,062 kes di seluruh dunia. Sehingga kini kematian akibat COVID-19 adalah sebanyak 5,967,093 kes. Kini COVID-19 telah menjadi satu isu kesihatan global kepada seluruh dunia dan isu ini mengakibatkan risiko kemusnahan serta kematian. Malah sukar untuk diatasi tanpa langkah-langkah pencegahan dan SOP yang memainkan peranan penting agar masyarakat sentiasa mematuhi peraturan dan mengurangkan jangkitan dari menyebarkan virus COVID-19.

Dampak pandemik COVID-19 terhadap dunia pendidikan turut dirasai oleh golongan pendidik dan pelajar. Tuntutan oleh perintah kawalan pergerakan (PKP) berpunca daripada pandemik COVID-19 mengakibatkan berlakunya peralihan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam pendidikan. PdP dilaksanakan secara bersemuka pada permulaannya, namun kini pembelajaran dilaksanakan secara dalam talian. Kini, pembelajaran dalam talian telah menjadi penting di seluruh dunia (Aguilera-Hermida et al. 2020). Di universiti telah mula mengamalkan pembelajaran tanpa bersemuka, jadual pengajaran yang semakin kompleks serta kaedah PdP yang komprehensif (Qi et al. 2020; Aguilera-Hermida et al. 2020). Walau bagaimanapun di IPT di kebanyakan negara bertukar mod pembelajaran secara bersemuka kepada dalam talian tanpa sebarang persediaan yang rapi. Tenaga pengajar mengajar dari rumah manakala pelajar pula belajar dari rumah masing-masing. Topik hangat yang dibincangkan sewaktu fasa peningkatan jumlah kes harian adalah pendidikan pelajar. Topik penting ini mendapat perhatian ramai dalam kalangan penggubal dasar, ahli akademik, ibu bapa dan pelajar (Almossa 2021).

Seterusnya, penerimaan, kesediaan serta amalan pelajar tentang COVID-19 mengundang lensa baharu dalam membangunkan pelajar beradaptasi dari segi pembangunan diri, pembelajaran, emosi, kehidupan kini (Chan et al. 2014). Terdapat kesedaran berkaitan dengan penularan dan gejala COVID-19 dalam kalangan pelajar. Kesedaran pelajar memberi fokus kepada

langkah-langkah pencegahan jangkitan COVID-19. Kesan daripada kesedaran ini menunjukkan sikap positif pelajar terhadap penjarakan sosial, mengelakkan pesta dan perjalanan serta menjaga kebersihan diri dan persekitaran. Pelajar cenderung untuk mengamalkan amalan kesihatan dalam mematuhi langkah-langkah kawalan berjangkit bagi tujuan mengurangkan penyebaran penyakit (Dardas et al. 2020; Oosterhoff & Palmer 2020). Namun demikian, dalam memastikan semua individu mengamalkan langkah perlindungan kesihatan yang berkesan, penerimaan dan amalan perlu selari.

Lanjutan daripada itu, timbul persoalan tentang adakah terdapat penerimaan, kesediaan dan amalan pelajar dalam memahami wabak COVID-19. Seterusnya, adakah mereka bersedia menghadapi segala kemungkinan risiko dijangkiti COVID-19 sepanjang belajar di universiti. Akhirnya, adakah terdapat amalan-amalan kendiri yang dilakukan oleh mereka dalam memastikan pengurangan risiko dijangkiti. Berasaskan kepada persoalan tersebut, satu objektif kajian iaitu mengenal pasti tahap penerimaan, kesediaan serta amalan penjagaan kendiri dalam kalangan pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam mendepani pandemik COVID-19. Oleh itu, terdapat keperluan untuk meneroka kajian ini bagi memastikan pencegahan wabak ini daripada menjangkiti pelajar terutamanya di kampus dan kolej kediaman.

PENERIMAAN, KESEDIAAN DAN AMALAN KENDIRI COVID-19

Penerimaan adalah dengan memperoleh pengetahuan yang luas

Penerimaan pelajar dalam pandemik COVID-19 mempunyai hubung kait dengan pengetahuan asas tentang COVID-19 (Gao et al. 2020). Dengan mempunyai pendidikan asas ini, pelajar menunjukkan sikap positif dan percaya bahawa virus COVID-19 dapat dibendung dan dicegah dengan mengambil tindakan pencegahan dan langkah kawalan yang efisien. Antara langkah pencegahan dalam memastikan pelajar dapat menerima keadaan pandemik ini adalah dengan mengeluarkan bahan didikan, informasi dan maklumat yang berkaitan dan tepat. Media massa merupakan saluran efektif menerusi medium *Facebook*, *Twitter*, *Instagram* dan lain-lain medium. Penyampaian ini memainkan peranan penting dalam memberi hebahan tentang kepentingan pendidikan berkaitan dengan COVID-19 (Abdelhafiz et al. 2020; Rahul & Ranjan 2020; Ma et al. 2021). Penerimaan dan perhatian

harus diberikan dalam memperkuatkan kesedaran awam dan kepentingan pendidikan kesihatan melalui pelbagai saluran, terutamanya platform media sosial dan televisyen.

Pengetahuan penting dan menjadi akses kepada penerimaan masyarakat kepada pandemik COVID-19. Hal ini dibuktikan dengan kajian lepas yang menunjukkan pelbagai bahan ilmu yang berkaitan dengan COVID-19 disampaikan melalui kaedah saluran media sosial termasuklah televisyen, surat khabar dan makalah ilmiah (Hayden 2013; Sharma et al. 2021). Dari aspek penerimaan, masyarakat memainkan peranan yang penting seperti memberi perhatian yang teliti terhadap situasi wabak ini dan bersedia memberi kerjasama untuk mengambil langkah-langkah pencegahan dan kawalan ketat. Setiap individu mempunyai kefahaman dan pengetahuan yang berbeza mengikut status pendidikan dan umur. Menurut Gao et al. (2020) mendapati usia lebih 33 tahun mempunyai kefahaman yang baik tentang COVID-19 serta 72.7% mempunyai kefahaman tentang berkumpul beramai-ramai adalah dilarang.

Seterusnya, penerimaan masyarakat terhadap pandemik COVID-19 mempunyai hubungan dengan asas pengetahuan yang baik. Antara pengetahuan yang disandarkan dalam memahami pandemik ini adalah mengenai virus, cara penularan, gejala-gejala utama, rawatan serta komplikasi dan langkah-langkah pencegahan. (Dardas et al. 2020). Penerimaan ini bermula dengan sumber penyampaian maklumat yang baik bermula daripada TV, diikuti oleh Facebook dan kemudian bentuk media sosial yang lain (Aldelhafiz et al. 2020). Ini juga membantu meningkatkan penerimaan dan pengetahuan kepada masyarakat.

Kesediaan menerusi sikap positif

Kesediaan seseorang dibantu oleh asas pengetahuan yang kukuh. Ini kerana ia mampu mengubah sikap dan kesediaan remaja. Dalam kajian Dardas et al. (2020) menunjukkan sikap positif dan kesediaan ini dijelaskan oleh tahap pengetahuan. Sikap positif ini tidak berubah mengikut jantina, umur dan kawasan. Hal ini kerana asas pengetahuan yang tinggi tentang COVID-19 membantu mengubah dan membentuk mentaliti bersedia mereka. Oleh itu, golongan remaja dan sikap kesediaan sangat tinggi dan optimis dalam membendung penularan wabak COVID-19. Hal ini disokong oleh Azlan et al. (2020) yang menjelaskan 8 daripada 10 orang responden mempunyai keyakinan bahawa wabak ini dapat ditangani dengan baik dengan adanya sikap positif serta langkah-langkah drastik dilaksanakan.

Kesediaan masyarakat dalam mendepani virus COVID-19 lebih cenderung selepas memperoleh pengetahuan dan mempelajari dengan lebih lanjut tentang perlindungan. Dengan itu, mereka bersedia dengan sikap yang lebih positif. Mereka juga bertindak dalam mendapatkan perlindungan yang lebih baik dan proaktif (Rahul & Ranjan 2020). Kesediaan mereka ditentukan juga oleh keupayaan mengetahui dan memahami maklumat yang diterima. Sikap positif yang tinggi dalam mempercayai wabak COVID-19 akan dibendung tidak lama lagi membantu masyarakat bersedia menghadapinya (Gao et al. 2020). Masyarakat bersedia dan boleh bekerjasama dengan jabatan yang berkaitan seperti jabatan kesihatan untuk mengambil langkah pencegahan dan kawalan. Masyarakat juga bersedia dalam mendalami perkembangan situasi wabak, memainkan peranan penting dalam mengawal wabak, bersedia untuk memberi kerjasama (Gao et al. 2020; Li et al. 2020; Luo et al. 2020; Zhu et al. 2020). Kesediaan masyarakat adalah kerana rasa takut yang tinggi sekiranya disahkan sebagai pesakit positif COVID-19 atau terdapat kematian akibat COVID-19 dalam kalangan ahli keluarga (Gao et al. 2020).

Seterusnya, dari aspek kesediaan seseorang terhadap wabak COVID-19 ini berkait rapat dengan persepsi individu. Persepsi individu membentuk komitmen dalam persediaan mengawal penularan (Ferdaous et al. 2020; Zhong et al. 2020). Sikap positif dan persepsi yang baik membantu dalam mengurangkan penyebaran jangkitan. Bagi kajian Alahdal et al. (2020) menjelaskan seseorang perlu bersedia dengan vaksin yang disediakan. Penggunaan antibiotik sahaja tidak mencukupi untuk membunuh virus COVID-19 ini, oleh itu setiap individu perlu mengehadkan penyebaran COVID-19 dengan berada di rumah serta mengasingkan individu yang dijangkiti.

Amalan membendung penularan jangkitan COVID-19
 Amalan membendung penularan jangkitan COVID-19 terbahagi kepada tiga iaitu amalan secara umum, amalan masyarakat dan amalan secara individu. Perkara utama dalam memastikan amalan dibendung adalah dengan mengambil langkah perlindungan yang betul, mengawal punca jangkitan serta amalan-amalan yang disarankan oleh pihak berwajib. Amalan di China ketara berbeza dan ekstrem iaitu mengehadkan had lalu lintas di seluruh provinsi China, menutup bandar dan daerah di wilayah Hubei serta melarang perhimpunan awam (Zhong et al. 2020). Kajian Ferdaous et al. (2020) menekankan kepada amalan melaporkan kes yang disyaki kepada pihak berkuasa serta mengamalkan langkah pencegahan yang ditetapkan oleh WHO.

Seterusnya adalah amalan masyarakat dalam kajian Azlan et al. (2020) menegaskan kepada orang ramai agar mengelakkan kumpulan besar, mengamalkan kebersihan tangan dengan betul. Selain itu juga, orang ramai perlu melalui norma budaya baharu untuk tidak menghadiri majlis keraian, kenduri untuk mengelakkan risiko kesihatan. Kajian Ma et al. (2021) menekankan kepada orang ramai agar melakukan senaman fizikal yang aktif selama seminggu, mendapatkan rehat yang mencukupi dan teratur. Orang ramai digesa agar tidak bekerja berlebihan dan tidak berjaga sehingga lewat malam. Dalam amalan mengawal penyebaran virus COVID-19 juga, kajian menegaskan supaya tidak keluar masuk ke persekitaran yang sesak. Orang ramai perlu mengamalkan diet dan tabiat makanan mengikut piramid makanan.

Amalan individu memfokuskan kepada pencegahan kendiri. Amalan utama yang wajib dilakukan adalah mencuci tangan, memakai pelitup muka dan berhenti berjabat tangan. Amalan pembelian barang seperti barang runcit dan makanan, membersihkan semua barang, membasuh buah-buahan dan sayur-sayuran menggunakan sabun dan air Alahdal et al. 2020). Amalan biasa perlu kerap dilakukan seperti mengamalkan pemakaian pelitup muka di tempat sesak. Setiap amalan dan praktis yang dilaksanakan boleh diamalkan secara individu dan berkumpulan.

METOD

Kajian menggunakan kaedah kuantitatif dalam mengenal pasti tahap penerimaan, kesediaan dan amalan kendiri pelajar dalam mengurangkan risiko jangkitan virus COVID-19 sepanjang berada di kampus dan universiti. Kajian menggunakan tinjauan dalam talian dengan edaran soal selidik menggunakan platform Google form. Responden terdiri daripada pelajar yang mendiami Kolej Tun Hussein Onn, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kemasukan fasa pertama pelajar dijangka tidak melebihi 100 orang pelajar di Kolej Tun Hussein Onn. Oleh itu berdasarkan formula Krejcie & Morgan (1970), saiz sampel pelajar adalah sebanyak 80 orang. Namun demikian, saiz sampel kajian adalah sebanyak 63 orang pelajar sahaja yang mendaftar pada waktu Google form diedarkan. Saiz sampel tidak dapat dipenuhi seperti saranan kerana pelajar tidak berminat untuk menjawab soal selidik yang diedarkan. Kajian berbentuk pendekatan kuantitatif dengan menggunakan pensampelan bertujuan dengan kriteria seperti berdaftar di Kolej Tun Hussein Onn, bersetuju untuk mengambil

bahagian dalam kajian ini dan memahami kandungan soal selidik tersebut.

Pengkaji membentuk soal selidik dengan menggunakan kaedah mereka bentuk soal sendiri dan adaptasi daripada kajian lain serta tambahan item spesifik daripada kajian ini. Survei ini melibatkan empat bahagian iaitu demografi pelajar, penerimaan pelajar terhadap virus COVID-19 sewaktu berada di kolej kediaman, kesediaan pelajar menghadapi risiko dijangkiti serta melalui fasa di kuarantin di bilik pelajar serta amalan penjagaan kendiri selepas melalui fasa kuarantin. Indeks kesahan kandungan item bagi soal selidik telah disahkan oleh 2 orang pakar dalam penyelidikan ini. Prosedur penganalisisan data menggunakan *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS) versi 23.0. Data dipersembahkan secara deskriptif dan inferensi iaitu frekuensi, bilangan dan peratusan serta analisis tahap. Ujian-t digunakan untuk menganalisis perbezaan penerimaan, kesediaan dan amalan kendiri pelajar dengan COVID-19. Analisis korelasi spearman digunakan untuk mengenal pasti hubungan penerimaan, kesediaan dan amalan kendiri dengan pelajar.

HASIL KAJIAN

Maklumat Demografi Pelajar

Kajian melibatkan sebanyak 63 orang pelajar yang terdiri daripada 33.3% lelaki dan 66.7% perempuan. Rata-rata responden berumur di antara 20 hingga 23 tahun manakala sebanyak 4.76% (3 orang) berumur 24 tahun ke atas. Seterusnya sebanyak 46.0% merupakan pelajar tahun 1, diikuti 30.2% tahun 3, 19.0% daripada tahun 2 manakala selebihnya berada di tahun 4 pengajian. Dari aspek status kewangan menunjukkan sebanyak 49.2% membuat pinjaman pendidikan, sebanyak 38.1% memperuntukkan kewangan persendirian manakala sebanyak 38.1% menggunakan biasiswa atau tajaan sepanjang pengajian.

Penerimaan Pelajar Terhadap Pandemik COVID-19 Sewaktu Berada di KTHO

Ketika pandemik COVID-19 semakin meningkat dan tiada kesudahan, masyarakat tidak terlepas daripada menerimanya sebagai sebahagian dalam kehidupan. Penerimaan COVID-19 ini menjadi polemik dalam masyarakat. Hasil dapatan menunjukkan tahap penerimaan, kesediaan dan amalan pelajar berada di tahap yang rendah iaitu antara 1.02 hingga 1.21.

JADUAL 1. Demografi Pelajar

Kategori		Bilangan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	21	33.3
	Perempuan	42	66.7
Umur	20 Tahun	10	15.9
	21 Tahun	12	19.0
	22 Tahun	19	30.2
	23 Tahun	19	30.2
	24 ke atas	3	4.76
Tahun Pengajian	Tahun 1	29	46.0
	Tahun 2	12	19.0
	Tahun 3	19	30.2
	Tahun 4	3	4.8
Status Kewangan	Biasiswa / Tajaan	8	12.7
	Persendirian	24	38.1
	Pinjaman	31	49.2

JADUAL 2. Konstruk Penerimaan, Kesediaan dan Amalan

Konstruk	Min	SP
Penerimaan	1.21	0.15
Kesediaan	1.14	0.16
Amalan	1.02	0.05

Setelah PKP 3.0, kajian ini mendapati hampir 98% pelajar telah dapat beradaptasi dengan norma baharu COVID-19 ini. Hal ini dibuktikan dengan 100.0% responden telah memahami makna dan maksud sebenar virus COVID-19 yang melanda negara. Pelajar memahami dan mengadaptasi norma ini mengikut kepada prosedur yang ditetapkan oleh Universiti sepanjang berada di dalam kampus Universiti. Kajian mendapati sebanyak 79.4% selesa berkomunikasi secara atas talian dengan semua pihak. Seterusnya

sebanyak 58.7% pelajar berasa selesa dengan keadaan sekeliling buat masa kini. Suasana pandemik yang tenang, tidak ramai penghuni lain membolehkan mereka belajar dalam suasana holistik tanpa gangguan. Namun demikian, mereka menghadapi masalah kerana terganggu dengan pembelajaran atas talian digunakan dalam P&P iaitu 63.5%. Hal ini kerana terdapat dalam kalangan pelajar perlu hadir ke makmal untuk menyiapkan projek tahun akhir.

JADUAL 3. Penerimaan pelajar terhadap COVID-19

Penerimaan Pelajar	Bil	Ya %	Tidak		Min	SP
			Bil	%		
Saya dapat adaptasi norma baharu COVID-19	62	98.4	1	1.6	1.02	.126
Saya memahami maksud virus COVID-19	63	100.0	-	-	1.00	.000
Saya selesa berkomunikasi secara atas talian	50	79.4	13	20.6	1.21	.408
Saya selesa dengan keadaan sekeliling	37	58.7	26	41.3	1.59	.496
Saya terganggu sejak pembelajaran atas talian digunakan dalam PdP	40	63.5	23	36.5	1.37	.485
Saya merancang penggunaan wang saku dengan berhati-hati sepanjang pandemik COVID-19 ini berlaku	54	85.7	9	14.3	1.14	.353

Kesediaan Pelajar Menghadapi Pandemik Covid-19 Sewaktu Berada di KTHO

Pelajar yang kembali ke kampus adalah secara berperingkat-peringkat sewaktu kemasukan ke Semester 2 sesi pengajian 2020/2021. Semua pelajar yang kembali ke kampus telah melalui fasa pemantauan kendiri selama sepuluh hari mengikut blok-blok yang ditetapkan oleh kolej kediaman. Sepanjang pematuhan tempoh kuarantin kendiri, pelajar diwajibkan untuk mematuhi SOP yang ditetapkan sepanjang pelajar berada di kampus. Hasil dapatan menunjukkan sebanyak 50.8% pelajar tidak kerap berhubungan dengan dunia luar selepas pulang ke kampus. Ini kerana tempoh kuarantin kendiri dan SOP yang ketat menyebabkan pergerakan mereka terhad. Setelah pelajar selesai menjalani tempoh kuarantin, pergerakan pelajar masih terhad kerana tuntutan kelas dalam talian serta penyertaan terhadap program-program webinar yang dianjurkan oleh kolej kediaman dan universiti.

Seterusnya, sebanyak 96.8% pelajar sentiasa meningkatkan kefahaman mereka berkaitan dengan pandemik COVID-19. Mereka menggunakan medium media sosial seperti Facebook, Instagram, portal-portal

rasmi kerajaan dan media elektronik. Terdapat sebanyak 85.7% pelajar yang berinteraksi dengan rakan-rakan serta bertukar pandangan tentang COVID-19, 92.1% sering memberi fokus utama kepada perkembangan sesama COVID-19. Hampir 97% pelajar menggunakan media sosial sebagai ruang utama untuk mereka mendapat input dan perkembangan semasa serta satu bentuk ilmu baharu yang pantas. Selain itu, sebagai seorang pelajar yang menetap di kolej kediaman, sebanyak 85.7% (54 orang) sentiasa menilai dan mengenal pasti kawasan-kawasan berisiko tinggi. Memandangkan Universiti Kebangsaan Malaysia berada di daerah Hulu Langat, UKM secara tidak langsung berada di kawasan berisiko tinggi. Oleh itu, pelajar berwaspada daripada dijangkiti. Sebanyak 90.5% pelajar membuat penilaian terhadap perkembangan semasa kes di sekitar kawasan Bangi, Selangor. Hal ini jelas menunjukkan pelajar mengambil berat entang persekitaran di sekitar UKM. Berdasarkan kesediaan pelajar menghadapi kelangsungan pandemik ini menunjukkan rata-rata pelajar telah mengatur strategik dalam menyediakan diri menghadapi pandemik COVID-19 serta membekalkan diri dengan ilmu pengetahuan serta isu-isu semasa COVID-19 sehingga kini.

JADUAL 4. Kesediaan Pelajar Melalui Fasa COVID-19

Kesediaan Pelajar	Ya		Tidak		Min	SP
	Bil	%	Bil	%		
Saya kerap berhubungan dengan dunia luar	31	49.2	32	50.8	1.51	.504
Saya meningkatkan kefahaman berkaitan dengan pandemik COVID-19 menerusi Media sosial cetak dan elektronik	61	96.8	2	3.2	1.03	.177
Saya berinteraksi dan bertukar pandangan berkaitan COVID-19	54	85.7	9	14.3	1.14	.353
Saya memberi fokus utama kepada perkembangan semasa COVID-19	58	92.1	5	7.9	1.08	.272
Saya melihat kepelbagaiannya maklumat di media sosial sebagai satu bentuk ilmu	61	96.8	2	3.2	1.03	.177
Saya membuat penilaian terhadap perkembangan COVID-19	57	90.5	6	9.5	1.10	.296
Saya aktif dalam mengenal pasti kawasan berisiko tinggi	54	85.7	9	14.3	1.14	.353
Saya mengatur strategik dalam menyediakan diri menghadapi pandemik COVID-19 ini	58	92.1	5	7.9	1.08	.272
Saya mempunyai pengetahuan langsung tentang isu-isu COVID-19	53	84.1	10	15.9	1.16	.368

Amalan Penjagaan Kendiri

Amalan penjagaan kendiri merupakan salah satu cara untuk berhadapan dengan wabak COVID-19. Penjagaan kendiri oleh pelajar yang menginap di kolej kediaman adalah penting dalam membendung dan mengatasi penularan wabak COVID-19 daripada terus merebak di sekitar kolej kediaman. Berdasarkan kefahaman pelajar menunjukkan sebanyak 98.4% memahami tentang kepentingan amalan penjagaan diri daripada wabak COVID-19. Oleh hal yang demikian, lebih 90.0% pelajar telah mengamalkan penjagaan kendiri dengan mengurangkan pergerakan keluar masuk mengikut kepada keperluan, mengelakkan 3S (Sesak, sempit dan sentuh) dan mengamalkan 3W (*Wash, Wear* dan *Warn*). Pelajar kerap mencuci tangan dengan air sabun atau pensanitasi tangan, memakai alat pelitup muka di tempat awam serta mengamalkan amaran yang dikeluarkan oleh KKM seperti elak bersalaman dan bersentuhan, mengamalkan etika batuk dan bersin serta mendapatkan rawatan segera jika bergejala.

Berdasarkan hasil dapatan menunjukkan sepanjang tempoh berada di kolej kediaman, kesemua pelajar telah pun mengemas kini maklumat kesihatan. Rata-rata pelajar telah bersedia dari segi fizikal dan mental untuk menginap di kolej kediaman dengan melakukan proses pembersihan dan disinfeksi sendiri di bilik sewaktu kembali ke kampus. Pelajar juga menyediakan keperluan perlindungan yang bersesuaian dan mencukupi. Sepanjang tempoh kuarantin dan selesai menjalani pengasingan kendiri ini, pelajar secara terus mengamalkan amalan penjarakan sosial dengan rakan-rakan di bilik lain. Ini kerana mereka cuba mengelakkan diri daripada mengunjungi tempat tumpuan pelajar seperti di kafe dan ruang legar kolej. Pelajar dikenal pasti berurusan dengan individu luar dengan mematuhi arahan SOP yang ditetapkan. Sekiranya mereka keluar daripada bilik kediaman masing-masing, mereka memakai pelitup muka sepanjang berada di luar bilik. Amalan penjagaan kendiri ini diamalkan bermula daripada pelajar kembali ke kampus sehingga tamat sesi pengajian tahun 2020/2021.

JADUAL 5. Amalan Penjagaan Kendiri

Amalan Penjagaan Kendiri	Ya		Tidak		Min	SP
	Bil	%	Bil	%		
Saya memahami kepentingan amalan penjagaan COVID-19	62	98.4	1	1.6	1.00	.000
Saya kurangkan pergerakan keluar masuk. Keluar apabila perlu sahaja	59	93.7	4	6.3	1.06	.246
Saya mengelakkan 3S [Sesak, sempit dan sentuh]	61	96.8	2	3.2	1.03	.177
Saya mengamalkan 3W [<i>Wash, Wear</i> dan <i>Warn</i>]	62	98.4	1	1.6	1.02	.126
Saya mengemas kini maklumat kesihatan	63	100.0			1.00	.000
Saya menyalurkan maklumat yang berkaitan kepada keluarga dan rakan-rakan	59	93.7	4	6.3	1.06	.246
Saya melakukan proses pembersihan dan disinfeksi sendiri di bilik	59	93.7	4	6.3	1.06	.246
Saya menyediakan keperluan perlindungan yang bersesuaian dan mencukupi	62	98.4	1	1.6	1.02	.126
Saya mengelakkan diri dari mengunjungi tempat tumpuan ramai	62	98.4	1	1.6	1.02	.126
Saya tidak bergaul rapat dengan mana-mana individu yang bergejala	59	93.7	4	6.3	1.06	.246
Saya mengamalkan penjarakan sosial dengan rakan-rakan	61	96.8	2	3.2	1.03	.177
Saya mematuhi arahan dan ketetapan SOP	62	98.4	1	1.6	1.02	.126
Saya memakai pelitup muka pada setiap masa sepanjang saya berada di luar bilik	57	90.5	6	9.5	1.10	.296

Hubungan pelajar berdasarkan penerimaan, kesediaan dan amalan COVID-19

Analisis Korelasi Spearman dijalankan bagi mengenal pasti hubungan kategori pelajar dengan penerimaan, kesediaan dan amalan COVID-19 yang dilakukan oleh pelajar. Hasil analisis menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pelajar dan kesediaan pelajar

dalam menghadapi COVID-19 sepanjang berada di kolej kediaman dengan nilai $r = -0.244$ dan $\text{sig}=0.05$ dengan interpretasi kekuatan lemah. Oleh itu, H_0 ditolak untuk hubungan kesediaan. Namun begitu, bagi hubungan antara pelajar dan penerimaan dan amalan menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan. Oleh itu, H_0 diterima bagi hubungan penerimaan dan amalan pelajar terhadap COVID-19.

JADUAL 6. Hubungan penerimaan, kesediaan dan amalan pelajar terhadap COVID-19

Hubungan	Pelajar		Interpretasi Kekuatan
	<i>r</i>	Sig.	
Penerimaan	-0.143	0.23	-
Kesediaan	-0.244	0.05	Lemah
Amalan	-0.029	0.85	-

PERBINCANGAN

Kajian ini bertujuan untuk mengukur tahap pengetahuan, penerimaan dan amalan kendiri COVID-19 oleh pelajar yang menetap di kolej kediaman Kolej Tun Hussein Onn, Universiti Kebangsaan Malaysia pada Fasa 1 kemasukan ke kampus kediaman. Penemuan kajian ini mendedahkan sejumlah besar faktor demografi pelajar mempengaruhi tahap pengetahuan, penerimaan dan amalan dalam mengadaptasi norma baharu ini. Pelajar mengambil berat dan secara aktif belajar untuk memahami berkaitan dengan COVID-19. Dari aspek penerimaan menunjukkan sebahagian daripada pelajar dapat menerima keadaan pandemik COVID-19 ini secara beransur-ansur. Pada awal kemunculan virus ini, mereka tidak mempunyai pengetahuan dan kefahaman asas berkenaan dengan punca, faktor dan maklumat penting yang lain. Penerimaan pelajar dari konteks kajian meliputi aspek adaptasi norma baharu, kefahaman terhadap virus COVID-19, keselesaan dalam berkomunikasi secara atas talian, keselesaan menghadapi keadaan sekeliling yang baharu. Dengan penerimaan baharu ini menjadi aspek utama dalam memastikan kesediaan mereka dalam mengamalkan amalan baik serta langkah-langkah kawalan dan pencegahan COVID-19.

Kesedaran terhadap bahaya dan risiko wabak COVID-19 yang tinggi membentuk kepada sikap positif dalam kalangan pelajar. Persediaan mereka adalah dalam mencari ilmu pengetahuan yang banyak berkaitan dengan COVID-19, berinteraksi dan bertukar pandangan. Oleh itu yang demikian, kesediaan pelajar mendepani cabaran dalam memastikan diri sendiri untuk sering berjaga-jaga daripada dijangkiti adalah tinggi. Ini kerana sikap baik serta sentiasa berfikiran

positif membantu dalam kesejahteraan mental dan fizikal pelajar.

Dari aspek amalan pula menunjukkan rata-rata pelajar mengamalkan saranan serta SOP daripada pihak berkuasa. Antaranya adalah mengurangkan pergerakan keluar masuk, mengelakkan 3S (sesak, sempit dan sentuh) dan mengamalkan 3W (*wash, wear, warn*). Antara rutin yang acap kali dilakukan adalah melakukan proses disinfeksi ruang bilik, memakai pelitup muka dan *hand sanitizer*. Amalan-amalan perlindungan yang berkesan mengurangkan kadar jangkitan yang tinggi. Walau bagaimanapun, amalan yang baik dan berkesan datangnya daripada sistem pendidikan, kawalan kendiri serta pengetahuan yang lengkap tentang COVID-19.

KESIMPULAN

Satu rujukan utama dalam membangunkan strategik dan langkah-langkah pencegahan dan kawalan COVID-19 perlu dilaksanakan seperti meningkatkan kefahaman tentang pengetahuan asas virus COVID-19, tingkah laku positif dan rawatan efektif. Penemuan hasil kajian menunjukkan lebih 50.0% pelajar menunjukkan penerimaan, kesediaan dan amalan yang baik. Terdapat pelbagai aktiviti yang dilakukan secara bersendirian seperti mengulang kaji pelajaran, berniaga secara atas talian dan lain-lain aktiviti bermanfaat. Penerimaan, kesediaan dan amalan pelajar berkait rapat dengan pengetahuan yang baik berkaitan dengan COVID-19. Pelajar menggunakan akses utama iaitu media sosial untuk meningkatkan kefahaman, pengetahuan dan mengetahui isu-isu semasa tentang wabak ini.

Kajian ini mempunyai limitasi kajian iaitu ia hanya memberi tumpuan kepada pelajar berdaftar

di kolej Tun Hussein Onn sahaja dan tidak secara menyeluruh di seluruh kolej kediaman yang ada di UKM. Oleh itu, kajian tidak mewakili gambaran yang tepat bagi keseluruhan populasi pelajar yang berada di kolej kediaman sewaktu edaran soal selidik dilaksanakan. Merujuk kepada kerangka teori mendapati penerimaan, kesediaan dan amalan pelajar tentang COVID-19 mempunyai hubung kait kepada kefahtaman dan pengetahuan pelajar. Oleh itu, kajian ini mencadangkan kepada satu keperluan program pendidikan yang berkesan dan sesuai yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan tentang COVID-19.

RUJUKAN

- Abdelhafiz, A.S., Mohammed, Z., Ibrahim, M.E., Ziady, H.H., Alorabi, M., Ayyad, M., Sultan, E.A. 2020. Knowledge, Perceptions, and Attitude of Egyptians Towards the Novel Coronavirus Disease (COVID-19). *Journal Community Health*. 45(5):881-890. doi: 10.1007/s10900-020-00827-7.
- Aguilera-Hermida, A.P., Garza, A.Q., Mendoza, S.G., Villanueva, C.A.D.R., Alecchi, B. A., & Avci, D. 2021. Comparison of students' use and acceptance of emergency online learning due to COVID-19 in the USA, Mexico, Peru and Turkey. *Education and Information Technologies*. 26: 6823-6845. <https://doi.org/10.1007/s10639-021-10473-8>
- Alahdal, H., Basingab, F., & Alotaibi, R. 2020. An analytical study on the awareness, attitude and practice during the COVID-19 pandemic in Riyadh, Saudi Arabia. *Journal of Infection and Public Health* 7: 2-7.
- Almossa, S.Y. 2020 University students' perspectives toward learning and assessment during COVID-19. *Educ Inf Technol* (Dordr) 26(6):7163-7181. <Https://doi:10.1007/s10639-021-10554-8>.
- Azlan, A.A., Hamzah, M.R., Sern, T.J., Ayub, S.H. & Mohamad. E. 2020. Public knowledge, attitudes and practices towards COVID-19: A cross-sectional study in Malaysia. 15 (5): e0233668. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0233668>
- Chan, J.F., Yuan, S., Kok, K.H., To, K.K., Chu, H., Yang, J., Xing, F., Liu, J., Yip, C.C., Poon, R.W. 2020. A familial cluster of pneumonia associated with the 2019 novel coronavirus indicating person-to-person transmission: a study of a family cluster. *Lancet*. 395(10223):514-23.
- Dardas LA, Khalaf I, Nabolsi M, Nassar O, Halasa S. 2020. Developing an Understanding of Adolescents' Knowledge, Attitudes, and Practices Toward COVID-19. *J Sch Nurs*. 36(6):430-441. <http://doi:10.1177/1059840520957069>.
- Ferdous, M.Z., Islam, M.S., Sikder, M.T., Osaddek, A.S.M., Valdivia, J.A.Z. & Gozal, D. 2020. Knowledge, attitude, and practice regarding COVID-19 outbreak in Bangladesh: An online-based cross-sectional study. *PLoS ONE* 15 (10): e0239254. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0239254>
- Gao, H., Hu, R., Yin, L., Yuan, X., Tang, H., Luo, L., Chen, M., Huang, D., Wang, Y., Yu, A. & Jiang, Z. 2020. Knowledge, attitudes and practices of the Chinese public with respect to coronavirus disease (COVID-19): an online cross-sectional survey. *BMC Public Health* 20 (1816): 1-8.
- Hayden, J. 2013. *Introduction to health behavior theory* (2nd ed.). Jones & Bartlet.
- Li, W.H., Liu, B., Liu, M., Zhao, X.H., Chen, Q.S. 2020. Investigation and analysis of public cognition and prevention awareness of Corona Virus Disease 2019 inside and outside Hubei Province. *J Jinan Univ*. 41(2):186-93.
- Luo, L., Zeng, X.J., Liao, X., Yang, Y.Q. 2020. Disease cognition, coping style and exercise behavior among the public during novel coronavirus epidemic: an online survey. *Chin J Public Health*. 36(2):156-9.
- Ma, C., Ma, L., Helwan, A., Ma'aitah, M.K.S., Jami, S. Y., Mobarak, S.A., Das, N.K., & Haque, M.A. 2021. An online survey and review about the awareness, coping style, and exercise behavior during the "COVID-19 pandemic situation" by implementing the cloud-based medical treatment technology system in China among the public. *Science Progress* 104 (2): 1-15.
- Oosterhoff, B., Palmer, C.A. 2020. Attitudes and Psychological Factors Associated with News Monitoring, Social Distancing, Disinfecting, and Hoarding Behaviors Among US Adolescents During the Coronavirus Disease 2019 Pandemic. *JAMA Pediatr*. 1;174(12):1184-1190. doi: 10.1001/jamapediatrics.2020.1876.
- Qi, Y., Chen, L., Zhang, L., Yang, Y., Zhan, S., & Fu, C. 2020. Public practice, attitude and knowledge of Novel Coronavirus Infected Pneumonia. *Journal of Tropical Medicine* 20(02), 145-149.
- Rahul, R., & Ranjan, G. K. 2020. Knowledge regarding prevention of novel coronavirus (COVID-19): An electronic cross-sectional survey among selected rural community. *International Journal of Trend in Scientific Research and Development* 4(3), 422-425.
- Sharma, M., Davis, R. E. & Wilkerson, A.H. 2021. COVID-19 vaccine acceptance among college students: A theory-based analysis. *International Journal of Environmental Research and Public Health* 18 (4617): 1-12.
- Zhu, Y.C., Feng, H.W., Luo, Y.Z., He, T.F., Lou, W.W. 2020. Knowledge, attitude and practice of coronavirus disease 2019 in Ningbo residents. *Prev Med*. 32(3):230-4.
- Zhong, B.L., Luo, W., Li, H-M., Zhang, Q.Q., Liu, X.-G. 2020. Knowledge, attitudes. And practices towards COVID-19 among Chinese residents during the rapid rise period of the COVID-19 outbreak: a quick online cross-sectional survey. *International Journal of Biological Sciences* 16 (10):1745-1752.

Zurina binti Ahmad Saidi & Amizan Azim bin Ramli
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Norinsan Kamil Othman*
Fakulti Sains dan Teknologi,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: insan@ukm.edu.my

Diserahkan: 9 Ogos 2022

Diterima: 12 Ogos 2022